



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎ : +609-6684111
☎ : +609-6684217

🌐 : www.umt.edu.my
✉ : pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5(19)
Tarikh : 28 Ogos 2023
Bersamaan : 11 Safar 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 16 TAHUN 2023

KADAR SEWAAN RUANG DAN CAJ SEWAAN PERALATAN DI KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar sewaan ruang dan caj sewaan peralatan di Kolej Kediaman Universiti Malaysia Terengganu.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Justifikasi kenaikan kadar sewaan ruang dan caj fasiliti di Kolej Kediaman kepada pengguna luar sama ada agensi kerajaan atau swasta adalah bagi memenuhi permintaan penggunaan ruang untuk penganjuran acara, program dan lain-lain di samping menjana pendapatan kepada Kolej Kediaman.

2.2 Kadar sewaan ruang dan caj sewaan peralatan di Kolej Kediaman ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Penjanaaan Pendapatan (JPPP) Kali Ke-10 (Bil. 3/2023) yang bersidang pada 26 Julai 2023.

3. KADAR SEWAAN RUANG DAN CAJ SEWAAN PERALATAN YANG DIKENAKAN

Kadar sewaan ruang dan caj sewaan peralatan di Kolej Kediaman UMT adalah seperti butiran berikut:

a. Kadar Sewaan Ruang Kolej Kediaman; dan

Bil.	Perkara	Kemudahan/Kapasiti	Harga (RM)
1.	Rumah Tamu (3 bilik)	Pendingin hawa/ perabot/ (5 orang)	250/malam
	Bilik Tidur Utama	Pendingin hawa/ perabot/ bilik mandi bersekali (2 orang)	150/malam
	Bilik Tidur Kedua	Pendingin hawa/ perabot/ bilik mandi berkongsi (2 orang)	120/malam
	Bilik Tidur Ketiga	Pendingin hawa/ perabot/ bilik mandi berkongsi (1 orang)	80/malam
2.	Dewan Al-Irfan	Pendingin hawa/ tv/ siaraya/ & 200 orang	250/hari
3.	Dewan Al-Falah	Siaraya/ 300 orang	200/hari
4.	Bilik Mesyuarat	Pendingin hawa/ lcd projektor/ skrin putih/ 25 orang	200/hari

Bil.	Perkara	Kemudahan/Kapasiti	Harga (RM)
5.	Serambi Siswa (Teflon)	Terbuka/ 50 orang	100/hari
6.	Ruang Legar Kafeteria (3m x 3m @ 10ft x 10ft)	Terbuka/ 100 orang	50/hari
7.	Gelanggang Serbaguna	Terbuka/ 50 orang	200/hari

Jadual 1: Kadar Sewaan Ruang Kolej Kediaman

b. Kadar Caj Peralatan.

Bil.	Perkara	Kadar Caj Sewaan Peralatan (RM)
1.	Rostrum Caj tambahan hari berikutnya	30.00/unit/hari 15.00/unit/hari
2.	Meja Panjang Caj tambahan hari berikutnya	5.00/unit/hari 2.00/unit/hari
3.	Kerusi Plastik Caj tambahan hari berikutnya	1.00/unit/hari 0.50/unit/hari

Jadual 2: Kadar Caj Sewaan Peralatan Kolej Kediaman

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 26 Julai 2023.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail